

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

23. Adakah Penang Free WiFi masih berfungsi?
- (a) Sila senaraikan kesemua *hotspot* yang terdapat di KADUN Kebun Bunga.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. *Penang Free Wifi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 *Access Points* (APs) di 40 KADUN Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) tidak memuaskan. Keputusan ini juga diambil berdasarkan kaji selidik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 mengenai kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan tersebut dan majoriti pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah disediakan.

Bagi meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan *WiFi* percuma di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. telah melaksanakan penawaran tender *Request for Proposal* (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memasukkan elemen *WiFi* percuma sebagai satu komponen dalam projek-projek Kerajaan Negeri seperti projek Perhentian Bas Pintar, projek *Smart Street Pole* dan lain-lain.

Selain itu, berdasarkan statistik liputan komunikasi Pulau Pinang berakhir pada Januari 2020, capaian liputan dan muat turun jalur lebar di negeri ini adalah lebih baik daripada peringkat nasional. Ini bermakna penduduk Negeri Pulau Pinang dapat menikmati kemudahan internet dengan baik dan tidak terganggu.

- (a) Pada masa kini tiada sebarang *hotspot Penang Free WiFi* yang terdapat dalam KADUN Kebun Bunga disebabkan oleh pemberhentian perkhidmatan tersebut pada 13 Februari 2019.